



KUIS

HADIS
Jurnal Ilmiah Berwasit
Artikel - Artikel Berorientasikan Kajian
dan Penyelidikan Dalam Bidang Hadis

الحديث
مجلة علمية محكمة نصف سنوية
تعي بالبحوث والدراسات الحديثة



INHAD

A Refereed Academic Journal in Hadith Studies

Published biannually by :

HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD)

Selangor International Islamic University College (KUIS)

Bandar Seri Putra, 43600, Bangi

Selangor (Darul Ehsan) Malaysia

Tel: 03 - 8911 7000 Ext: 6129/6130. Fax: 03 - 8926 6279

Email: jurnalhadis@kuis.edu.my Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/

e - ISSN 2550 - 1585

HADIS DAN TASAWUF: SATU SOROTAN TERHADAP SHARḤ AL-TAFTĀZĀNĪ ‘ALĀ AḤĀDĪTH AL-ARBA‘ĪN AL-NAWAWIYYAH

Rosni Wazir

Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Telp.: 017-347
3254. Email: rosni@kuis.edu.my

Abstrak

Percubaan untuk mengimbangi antara tasawuf dan hadis sudah banyak kali dilakukan. Biarpun ia belum berjaya secara sepenuhnya, sekurang-kurangnya ruang untuk melakukannya sentiasa cuba diisi oleh golongan yang tidak ingin melihat Islam ini dipisah-pisahkan secara pukol rata. Hakikatnya perpecahan ini berlaku kerana kurangnya inisiatif dan usaha untuk memahami golongan yang dilabel sebagai “tidak sealiran” atau “berbeza metodologi” secara lebih terbuka dan tidak menghukumnya secara pukol rata. Penulisan ini akan menyorot dua blok yang dianggap sentiasa terpisah semenjak dari al-Muhasibi dan Imam Ahmad lagi dengan mata yang lebih seimbang. Perimbangan antara hadis dan tasawuf ini akan diwakili karya syarah yang dilakukan oleh al-Taftazani dengan tajuk Sharḥ al-Taftazani ala Aḥādīth al-Arba‘īn al-Nawawīyyah. Analisis yang dilakukan akan membuktikan bahawa ruang dan peluang masih terbuka dalam pengharmonian antara hadis dan tasawuf.

Kata kunci: *Hadis; Tasawuf; al-Taftazani; al-Arba‘in al-Nawawīyyah*

**(HADITH AND TASAWUF: A HIGHLIGHT OF SHARḤ AL-TAFTĀZĀNĪ
‘ALĀ AḤĀDĪTH AL-ARBA‘ĪN AL-NAWAWIYYAH)**

Abstract

The attempt to harmonize between tasawuf and hadith has been performed many times. Even though it has not been fully successful, at least the attempt is always

there. These have been done by those who want to see Muslims united and willing to accept disagreements. The fact is, this split is the result of a lack of initiative and effort to understand those who are seen as “different forms of thinking” or “different methodologies” more openly and not punishing them blindly. This writing will highlight the two groups seen as separate from the time of al-Muhasibi and Imam Ahmad with more balanced view. The harmonization between hadith and tasawuf will be represented by the works of al-Taftazani with the title “Sharh al-Taftazani ala Ahadith al-Arba’in al-Nawawiyyah”. The analysis will prove that space and opportunity always exist in the balance between the hadith and tasawuf.

Keywords: Hadith; Tasawuf; al-Taftazani; al-Arba’in al-Nawawiyyah

Received: November 15, 2017 Accepted: February 19, 2018

Online Published: June 30, 2018

1. Pendahuluan

Tasawuf merupakan salah satu ilmu Islam yang lahir daripada pemahaman terhadap al-Quran dan hadis Rasulullah SAW, malah tanpa kedua-duanya, tidak mungkin wujudnya ilmu ini. Tasawuf dan hadis tidak dapat dipisahkan dan ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Imam al-Ghazali di dalam karyanya *Ihya’ ‘Ulum al-Din*. Ia juga dibuktikan dengan baik oleh al-Taftazānī apabila beliau menghuraikan *al-Arba’in al-Nawawiyyah* dan juga usaha ulama-ulama lain.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa terdapat banyak ajaran dan konsep dalam tasawuf ini terhasil daripada pemahaman terhadap hadis-hadis Nabi SAW. Malahan terdapat beberapa karya yang mengandungi keharmonian di antara dua perkara ini, hadis dan tasawuf; sama ada ia berupa karya hadis yang dihuraikan mengikut kecenderungan tasawuf; karya tasawuf yang banyak memuatkan hadis-hadis atau penekanan terhadap hadis-hadis tasawuf. Perkaitan itu juga boleh dilihat pada identiti *muhaddith* atau cendekiawan hadis dan dalam masa yang sama beliau adalah seorang yang mempunyai kecenderungan kepada ilmu tasawuf.

Namun begitu, walau semurni manapun tasawuf cuba digambarkan, ia tidak dapat lari dari bertembung dengan pengaruh-pengaruh luar yang tidak murni seperti pengaruh pemikiran daripada Greek, Hindu dan Parsi. Unsur-unsur beginilah yang memberi ruang yang luas kepada kritikan terhadap tasawuf dengan ulasan dan andaian yang mengelirukan. Walaupun terdapat beberapa perkara atau amalan yang terkeluar norma pengamalan Islam yang sebenar, namun ia bukan satu alasan untuk “pukul rata” bahawa ilmu tasawuf adalah sesat.

2. Konsep Tasawuf dan Hadis

Termaktub di dalam sejarah pada abad ke-3 H., umat Islam hidup di dalam kegemilangan ilmu pengetahuan. Tempoh keemasan ini menyaksikan banyak karya-karya hadis yang muktamad dihasilkan terutama *Kutub al-Sittah* dan tempoh selepasnya adalah melibatkan huraian, kritikan, penyempurnaan, ringkasan terhadap karya-karya utama sebelumnya.

Satu sisi yang lain, tasawuf juga mengalami perkembangannya yang tersendiri, bahkan menghasilkan mementumnya yang hebat. Pada waktu ini, tasawuf telah berkembang daripada sekadar amalan peribadi kepada pemikiran separa teori (*semi-theoretical thoughts*). Pada peringkat ini, wujudnya teori-teori seperti fana, *mahabbah*, *mushahadah*, *ittihad* dan lain-lain. Bahkan ramai dalam kalangan tokoh sufi yang hebat hidup di zaman ini yang sangat berpengaruh kepada generasi-generasi selepasnya. Pemikiran, idea dan kerja mereka menjadi asas kepada prinsip tasawuf itu sendiri. Tokoh yang dimaksudkan adalah seperti al-Harith al-Muhasibi, Junayd al-Baghdadi, Dhu Nun al-Misri, Ma'aruf al-Karkhi, Abu Sulaiman al-Darani, Abu Yazid al-Bustami, al-Hallaj, dan lain-lain (Ahmad Tajuddin Arafat, 2012: 40-41).

Imam al-Ghazali telah membahagikan agama Islam kepada tiga asas yang sangat penting iaitu ilmu tauhid, ilmu fekah dan ilmu tasawuf. Masing-masing mempunyai peranan dan kepentingan yang tersendiri seperti ilmu tauhid menguruskan hal-hal berkaitan akal dan kepercayaan, ilmu fekah menguruskan hal-hal berkaitan jasmani dan perlaksanaannya dan ilmu tasawuf pula menguruskan hal-hal berkaitan rohani dan penyuciannya. Oleh sebab itu, akan didapati banyak sekali ayat-ayat al-Quran yang menjadi intipati ilmu tasawuf, begitu juga sunnah atau hadis.

'Abd al-Karim bin Hawazin al-Qushayri (1998, 1: 134) memetik Imam Junayd al-Baghdadi (m. 297 H.) ada menyebut tentang kaitan antara tasawuf dan sunnah: "*Mazhab kami diikat dengan usul al-kitab dan sunnah dan ilmu kami didokong dengan al-kitab dan sunnah.*" Kata beliau lagi: "*Orang yang tidak menjaga hukum-hukum al-Quran dan tidak menulis (memahami) hadis, tidak boleh diikuti kerana ilmu kami berdasarkan kitab dan sunnah.*"

Manakala Abi 'Abd al-Rahman al-Sulamī (1997, 1: 173) di dalam karyanya *Ṭabaqat al-Sūfiyyah* menukilkan kata-kata Abu Hamzah al-Baghdadi al-Bazzar yang berkata: "*Sesiapa yang mengetahui jalan menuju kepada Allah, maka mudahlah suluknya (ibadah dan mujahadah) dan tidak ada dalil bagi jalan menuju kepada Allah melainkan dengan mengikut Rasulullah SAW.*"

Pernyataan Azyumardi Azra di dalam karya beliau *Networks of Haramayn and Jawi (Malay-Indonesia)* yang berdasarkan satu kertas kerja yang ditulis oleh Voll menegaskan bahawa pengajian hadis merupakan satu tujuan untuk membangunkan tasawuf. Kata beliau (Azyumardi Azra, 2005: 122):

Jelas sekali, pengajian hadis dilihat sebagai satu disiplin yang menyokong cubaan pembinaan semula sosio-moral masyarakat Islam, dan mempunyai nada yang lebih tulen. Bagi orang yang ingin membangunkan semula sosio-moral masyarakat, kandungan pemikiran yang dikongsi dari pengajian hadis mereka adalah model ideal pembangunan masyarakat seperti yang dikehendaki. Tambahan pula, pengajian hadis menyediakan rangkaian yang kukuh dalam kalangan ulama. Manakala tarekat sufi memberi ikatan yang lebih bersifat peribadi untuk membentuk gabungan ulama yang lebih besar dan berpadu. Seinggakan dalam kalangan reformis ahli hadis dan pelajar mereka di haramayn, gabungan tarekat sentiasa menjadi satu bahagian penting dalam pengenalan diri mereka.

Al-‘Allamah al-Muhaddith al-Faqih al-Sufi al-Shaikh ‘Abd Allah al-Ghummari (2007) telah menyatakan di dalam bukunya *al-I‘lam bi’anna al-Tasawuf min Shariat al-Islam* bahawa kedudukan mazhab ulama tasawuf ini adalah jelas menurut kaedah *usul al-fiqh* dan ilmu hadis. Beliau telah menyebut beberapa perkara di dalam tasawuf yang terdapat di dalam al-Quran dan sunnah, antaranya adalah:

2.1 *Ihsan, Murāqabah dan Mushāhadah*

Menurut Imam al-Ghazālī (2005, 5: 53) di dalam karyanya *Iḥyā’ ‘Ulūmuddīn* memberi takrifan kepada *ihsan* yang bermaksud bahawa engkau menyembah Allah SWT seolah-olah kamu melihatNya dan sekiranya engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Dia melihatmu. Beliau meletakkan sifat *ihsan* ini sebagai keutamaan dalam melakukan *murāqabah* terhadap Allah SWT. Malahan, kedua-duanya mempunyai perkaitan yang sangat erat. *Murāqabah* bermaksud sentiasa menghadirkan pengawasan Zat yang Maha Mengawasi dan kembalinya segala rasa gundah kepadaNya. *Muraqabah* adalah suatu keadaan hati yang dihasilkan oleh pengenalan terhadap Allah

(makrifah). Keadaan ini membuahakan amal perbuatan, baik yang dilakukan oleh anggota badan, mahupun hati.

Ia juga membawa maksud bagi seorang hamba adalah pengetahuan dan keyakinan bahawa Allah SWT selalu melihat apa yang ada di dalam hati nuraninya dan Maha Mengetahui. Manakala *mushahadah* (kehadiran diri) pula bermaksud dengan memetik kata-kata Amr bin ‘Uthmān al-Makkī yang mengatakan: “*Mushahadah adalah luapan keyakinan yang memancar dengan tersingkapnya kehadiran yang tidak keluar dari tutup hati.*” Ia juga mengatakan: “*Mushāhadah adalah kehadiran yang bererti kedekatan yang dibarengi dengan ilmu yakin dan hakikat-hakikatnya.*” (Abū Naṣr al-Sarrāj, 2009: 142). Ketiga-tiga perkara ini dapat dilihat dalam hadis di bawah:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ: بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَّا أَحَدٌ. حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ. فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ، وَتَحَجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا. قَالَ: صَدَقْتَ. فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ وَيُصَدِّقُهُ! قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ. قَالَ: أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ. قَالَ: صَدَقْتَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ. قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ السَّاعَةِ. قَالَ: مَا الْمَسْئُولُ عَنْهَا بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ. قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ أَمَارَاتِهَا؟ قَالَ: أَنْ تَلِدَ الْأُمَمُ رَبَّتَهَا، وَأَنْ تَرَى الْحُقَمَاءَ الْعُرَاءَ الْعَالَةَ رِعَاءَ الشَّاءِ يَتَطَاوَلُونَ فِي الْبُنْيَانِ. ثُمَّ انْطَلَقَ، فَلَبِثْنَا مَلِيًّا. ثُمَّ قَالَ: يَا عُمَرُ أَتَدْرِي مِنَ السَّائِلِ؟ قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: فَإِنَّهُ جَبْرِيلُ أَتَاكُمْ يُعَلِّمُكُمْ دِينَكُمْ .

(Muslim, *Sahih Muslim, Kitab al-Īmān, Bab Bayan al-Īman wa al-Islam wa al-Ihsan*, hadis no. 681)

Maksudnya:

Daripada Saiyidina ‘Umar RA beliau berkata: “Ketika kami sedang duduk di sisi Rasulullah SAW pada suatu hari, tiba-tiba muncul di hadapan kami seorang lelaki yang memakai pakaian yang sangat putih, berambut sangat hitam, yang tidak ternampak pada dirinya kesan-kesan tanda musafir dan tidak seorang pun dalam kalangan kami yang mengenalinya. Lalu dia duduk menghampiri Nabi SAW, lalu disandarkan kedua-dua lututnya ke lutut Baginda dan meletakkan dua tapak tangannya atas dua paha Baginda seraya berkata: “Wahai Muhammad! Terangkan kepadaku tentang Islam. Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Islam itu bahawa engkau naik saksi bahawa tiada ilah melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu utusan Allah, (dan bahawa) engkau mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, menunaikan haji ke Baitullah (Mekah) sekiranya engkau berkuasa mengerjakannya.” Lelaki tersebut berkata: “Benarlah engkau.” Maka kamipun merasa hairan kepadanya, dia yang bertanya dia pula yang membenarkannya. Dia bertanya: “Terangkan kepadaku tentang Iman.” Baginda bersabda: “(Iman itu ialah) bahawa engkau percaya kepada Allah, para MalaikatNya, kitab-kitabNya, para RasulNya, Hari Kiamat dan bahawa engkau percaya kepada Qadar baik dan buruk.” Lelaki itu berkata: “Benarlah engkau.” Dia berkata lagi: “Terangkanlah kepadaku tentang Ihsan.” Baginda bersabda: “Ihsan itu ialah bahawa engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihatNya. Sekiranya engkau tidak dapat melihatnya, maka sesungguhnya Dia melihatmu.” Lelaki itu bertanya lagi: “Terangkan kepadaku tentang Kiamat.” Baginda bersabda: “Orang yang ditanya tentang Kiamat tidaklah lebih mengetahui daripada orang yang bertanya.” Lelaki itu berkata: “Maka terangkanlah kepadaku tentang tanda-tandanya.” Baginda bersabda: “(Antara tanda-tandanya ialah) apabila seorang hamba perempuan melahirkan tuannya dan apabila engkau melihat orang-orang miskin yang berkaki ayam, tidak berpakaian dan papa kedana yang hanya menjadi pengembala kambing berlumba-lumba membina bangunan (iaitu bertukar menjadi kaya raya).” Kemudian lelaki itu berlalu, lalu aku terdiam sebentar. Kemudian Baginda bertanya: “Wahai ‘Umar! Adakah engkau tahu siapa lelaki yang bertanya itu?” Aku berkata: “Allah dan RasulNya lebih mengetahui.” Baginda bersabda: “Sesungguhnya dia adalah

Malaikat Jibril yang datang kepada kamu untuk mengajar kamu tentang agama kamu”.”

‘Abd Allah al-Ghumhari (2007: 10) turut memetik kata-kata al-Harawi di dalam *Manazil al-Sa’irin* bahawa adis ini merupakan tanda yang meliputi mazhab kumpulan ini. Berkata yang menghuraikan: “*Kerana asal bagi kumpulan yang khusus ini adalah sempurnanya pengetahuan dan sentiasa muraqabah kepada Allah SWT sama ada dalam keadaan bergerak atau diam, bernafas atau menghela sehingga kebenaran menguasai hati. Maka ihsan itu merangkumi dua makam (muraqabah dan mushahadah).*”

2.2 Sesiapa Memusuhi Wali Allah, Mujahadah Dan Fana Kerana Allah

Selain dari ihsan, terdapat beberapa perkara lagi yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan tasawuf seperti wali, konsep *mujāhadah* dan *fanā*. Ketiga-tiga perkara ini juga dapat dilihat dalam hadis di bawah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: إِنْ اللَّهُ تَعَالَى قَالَ: مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ، وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ، وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْتَطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَلَئِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطَيْتَهُ، وَلَئِنْ اسْتَعَاذَنِي لِأَعِيذَنَّهُ، وَمَا تَرَدَّدْتُ عَنْ شَيْءٍ أَنَا فَاعِلُهُ تَرَدُّدِي عَنْ نَفْسِ الْمُؤْمِنِ يَكْرَهُ الْمَوْتَ، وَأَنَا أَكْرَهُ مُسَاءَتَهُ.

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, Bab al-Tawadu'*, hadis no. 6502)

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya Allah SWT berfirman: “Siapa yang memusuhi waliku maka Aku telah mengumumkan perang dengannya. Tidak ada taqarrubnya seorang hamba kepadaKu yang lebih aku cintai kecuali

dengan beribadah dengan apa yang telah Aku wajibkan kepadanya. Dan hambaku yang selalu mendekatkan diri kepadaKu dengan nawāfil (perkara-perkara sunnah di luar yang fardu) maka Aku akan mencintainya dan jika Aku telah mencintainya maka Aku adalah pendengarannya yang dia gunakan untuk mendengar, penglihatannya yang dia gunakan untuk melihat, tangannya yang digunakannya untuk memukul dan kakinya yang digunakan untuk berjalan. Jika dia meminta kepadaku niscaya akan aku berikan dan jika dia minta perlindungan dariKu niscaya akan Aku lindungi”.”

Hadis ini menceritakan tentang permulaan jalan sufi dan penamatnya. Ini kerana mereka memulakannya dengan *mujāhadah*. Sentiasa bermujahadah dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membersihkan diri dari segala larangan Allah SWT serta menghiasi segala perkataan, perbuatan dan keberadaan dengan sesuatu yang disukaiNya. Sentiasa berpaling kepadaNya pada setiap masa dan tempat sehingga mencapai kedudukan fana. Sesiapa yang berjaya, sesungguhnya dia akan disayangi dan terpelihara. Fana pada dirinya, utuh pada Tuhannya (‘Abd Allah al-Ghummari, 2007: 11).

2.3 Ilmu al-Ḥaqa’iq

Tasawuf sering digambarkan sebagai ilmu hakikat yang mengimbangi dan mengiringi ilmu syariat yang sekali gus menyempurnakan makna kehidupan seseorang hamba Allah SWT. Ia sebagaimana yang disebut di dalam hadis di bawah:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " :
 أَنْزَلَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ ، لِكُلِّ آيَةٍ مِنْهُ ظَهْرٌ وَبَطْنٌ . "

(al-Ṭabarani, *Mu’jam al-Awsat*, Bab *al-Alif*, Man Ismuhu Ahmad, hadis no. 791)

Maksudnya:

Daripada ‘Abdullah ibn Mas‘ūd berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Diturunkan al-Quran itu dengan 7 huruf, bagi setiap ayatnya mempunyai makna zahir dan batin”.”

‘Abd Allah al-Ghummari (2007: 12) memetik pendapat Ibn Ḥajar al-Haythamī yang menyandarkan pada pendapat Ibn al-Naqīb di dalam penafsirannya terhadap hadis ini: “Zahir ayat bermakna

apa yang zahir pada maknanya yang dapat difahami manakala batinnya adalah yang terkandung di dalamnya rahsia yang hanya diketahui oleh manusia yang dianugerahkan oleh Allah kemampuan untuk memahaminya.”

2.4 Karamah Dan Keistimewaan Wali

Kisah tentang wali ini telah dinyatakan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَدْ كَانَ فِيمَا قَبْلَكُمْ مِنْ الْأُمَمِ مُحَدِّثُونَ فَإِنْ يَكُ فِي أُمَّتِي أَحَدٌ فَإِنَّهُ عُمَرُ زَادَ زَكَرِيَّا بْنُ أَبِي زَائِدَةَ عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَدْ كَانَ فِيْمَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ رِحَالٌ يُكَلِّمُونَ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَكُونُوا أَنْبِيَاءَ.

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *Faḍā'il al-Ṣahabah*, Bab *Manaqib 'Umar*, hadis no. 2486)

Maksudnya:

Sesungguhnya ada dalam kalangan umat-umat sebelum kamu itu orang yang dipercakapi oleh Allah SWT. Dan jikalau ada orang yang seperti itu dalam kalangan umatku, maka ia adalah Umar.

Dan di dalam riwayat lain: *Sesungguhnya adalah dalam kalangan umat-umat sebelum kamu dari kalangan Bani Isra'il itu orang yang dipercakapi oleh Allah SWT, tetapi mereka itu bukanlah di kalangan nabi-nabi.*

Yahya bin Sharaf al-Din al-Nawawi (2003: 59-74) di dalam *Bustan al-'Arifin* menerangkan dengan terperinci tentang konsep ini dengan membawakan ayat al-Quran dan hadis berkaitan. Beliau memulakan perbincangannya dengan membawakan dalil *al-naql* dan *al-'aql* tentang karamah. Dalil *al-'aql* memberitahu bahawa karamah ini sesuatu yang mungkin ada dan meyakini wujudnya karamah ini tidak membawa kepada penolakan salah satu daripada asas-asas akidah. Maka wajib bagi kita mensifatkan bahawa Allah SWT berkuasa mewujudkan karamah tersebut dan ianya harus

terjadi. Dalil *al-naql* juga menyatakan keharusan wujudnya karamah ini seperti yang termaktub dalam surah Yunus ayat 63, Maryam ayat 25, Ali Imran ayat 37, al-Naml ayat 40. Hadis di atas dan beberapa lagi hadis yang lain menceritakan secara jelas kisah karamah para wali ini

2.5 Konsep Ikhlas Dan Benar

Kedua-dua konsep ikhlas dan benar adalah sangat dititik-beratkan dalam ilmu tasawuf:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : *إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَّا نَوَى ، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ، فَهَاجَرَتْهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا ، فَهَاجَرَتْهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ .*

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *Ma Ja'a Ina Ma al-A'mal bi al-Niyyat*, Bab *Bad' al-Wahy*, hadis no. 1)

Maksudnya:

Dari 'Umar bin Al-Khattāb RA, dia berkata: "Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya setiap perbuatan itu tergantung pada niatnya. Dan sesungguhnya setiap orang (akan dibalas) berdasarkan apa yang dia niatkan. Siapa yang hijrahnya kerana (ingin mendapatkan keridhaan) Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada (keredaaan) Allah dan RasulNya. Dan siapa yang hijrahnya kerana menginginkan kehidupan yang layak di dunia atau kerana wanita yang ingin dinikahnya maka hijrahnya (akan bernilai sebagaimana) yang dia niatkan".

Imam al-Nawawi telah memuatkan hadis ini pada halaman terhadap sama ada di dalam *Bustan al-'Arifin* atau *al-Arba'in al-Nawawiyah*nya. Hadis ini menjelaskan bahawa niat adalah neraca yang menentukan sama ada sesuatu amalan itu diterima atau tidak. Sekiranya niatnya adalah elok, maka kebaikan itu akan diambil kira, tetapi sekiranya niat itu adalah untuk sesuatu yang tidak baik, maka pahalanya tidak akan diperolehi. Pahala yang diperolehi dengan niat yang baik ini bergantung pada tiga keadaan (al-Nawawi, t.th.: 2):

- a. Perbuatan baik yang dilakukan kerana takut kepada Allah SWT (*khawf min Allah*), ini adalah ibadah seorang yang ‘*abid*’ (‘*ibadah al-‘abid*’).
- b. Perbuatan baik yang dilakukan untuk mendapat pahala dan ganjaran dari Allah SWT (*li talab al-jannah wa al-thawab*), ini adalah ibadah seorang “peniaga” (‘*ibadah al-tujjar*’).
- c. Perbuatan baik yang dilakukan kerana malu kepada Allah (*haya’an min Allah*), untuk menunaikan tanggungjawab sebagai kepada Allah (*ta’diyah li haq al-‘ubudiyah*) dan untuk berterima kasih kepada Dia. Dalam keadaan begitu pun beliau sentiasa bimbang sekiranya amalannya tidak diterima oleh Allah SWT, maka ini adalah ibadat orang yang mulia (‘*ibadah al-ahrar*’).

Ini adalah konsep pengibadatan yang ditonjolkan dalam ajaran tasawuf sebagaimana jawapan baginda sewaktu ditanya oleh Saidatina Aisyah RA kerana beribadat sehingga bengkok kakinya:

“Wahai pesuruh Allah, kenapa kamu lakukan ini semua sedangkan Allah sudah mengampuni segala dosa dan kesilapan kamu?” Jawab baginda Rasul: “Bukankan aku sepatutnya menjadi hamba yang bersyukur?”

(al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī, Kitab al-Ṣalāh, Bāb Mā Jā’a al-Ijtihād fī al-Ṣalāh*, hadis no.412).

Mawlana Asyraf Ali Thanawi di dalam karyanya *Haqiqat al-Tariqa min al-Sunnah al-Aniqa* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tajuk *A Sufi Study of Hadith* telah menyenaraikan 330 buah hadis yang dikategorikan sebagai hadis tasawuf. Saudara Shaykh Yusuf Talal Delorenzo sebagai penterjemah menyebut di dalam pendahuluannya bahawa namakan apa sahaja gelaran kepada Mawlana Thanawi, yang jelas, beliau adalah sufi yang berorientasikan syariat. Satu sumbangan yang sangat tinggi telah diberikan oleh beliau kerana menjelaskan dan menjernihkan prinsip dan praktikal tasawuf yang sebenarnya. Malah ini adalah antara sebab beliau bertindak menghuraikan hadis-hadis nabi dengan orientasi sufi (Maulana Ashraf Ali Thanawi, 2010 : 17).

Ini berbeza dengan penulis-penulis sufi terdahulu yang cenderung untuk menghuraikan hadis apabila mereka membicarakan tentang perkara lain selain dari tasawuf itu sendiri. Manakala penulis sufi klasik yang lain seperti al-Qushayri, al-Muhasibi, Abu Talib al-

Makki dan al-Ghazali yang telah mengambil banyak sekali hadis-hadis dalam penulisan mereka, tetapi tidak menghasilkan satu karya khusus dengan syarah hadis (Maulana Ashraf Ali Thanawi, 2010: 17).

Hakikatnya, apabila dikaitkan dengan ilmu hadis, sebahagian melihat bahawa ilmu tasawuf ini terdapat kepincangannya. Ini mungkin disebabkan oleh tindakan beberapa orang penulis sufi yang telah melibatkan dengan penyebaran dan penggunaan hadis-hadis palsu, walaupun dengan niat yang baik. Sebagai contoh adalah karya Ibn Nu'aym yang bertajuk *Hilyat al-Awliya'* yang dikatakan mempunyai hadis-hadis *mawdu'* dan sangat *da'if* (Maulana Ashraf Ali Thanawi, 2010).

Dalam masa yang sama, terdapat cendekiawan dalam bidang hadis dan dalam masa merupakan ahli sufi, bahkan berpegang dengan tarekat-tarekat tertentu. Sufyan al-Thauri, Ibn al-Mubarak, Abu Tahir al-Silafi, al-Nawawi, al-Suyuti dan al-Iraqi adalah di antara nama-nama yang muncul sebagai cendekiawan hadis dan sufi dalam masa yang sama. Selain daripada nama-nama di atas ramai lagi cendekiawan hadis-sufi yang dihasilkan oleh India seperti al-Saghani, Syeikh 'Abd al-Ḥaqq Muḥaddith al-Dahlawī, Shāh Walī Allah, Syeikh Ṭāhir al-Faṭānī, Shāh 'Abd al-'Azīz, Mawlana Ya'qūb, Mawlana Gangohi, Mawlana Madani dan Mawlana Thanawi sendiri.

Terdapat seorang lagi cendekiawan yang dikategorikan sebagai tokoh hadis-sufi iaitu al-Ḥākim al-Tirmidhi yang mempamerkan kecenderungan tersebut di dalam karyanya *Nawadir al-Usul fi Ma'arifāt Ahādith al-Rasul*. Karya ini adalah yang paling besar dihasilkan oleh beliau, bahkan ia dihasilkan pada penghujung kehidupannya. Beliau telah menulis banyak hadis-hadis yang telah riwayatkan daripada gurunya dan ia memaparkan kematangan beliau dalam memahami sisi batin sesebuah hadis. Ahmad Tajuddin Arafat memetik pendapat Abd al-Fattah Barakat di dalam bukunya *al-Ḥākim al-Tirmidhi wa Nazariyyatuhu fi al-Wilayat* menyatakan bahawa sekali pandang kitab ini adalah sebagaimana karya hadis yang lain, tetapi sekiranya diperhatikan, ia akan menampakkan kecenderungan *al-dhawq al-sufi* di dalam huraiannya (Ahmad Tajuddin Arafat, 2012: 42).

3. Tasawuf dan *al-Arba'in al-Nawawiyyah*

Syeikh Muhammad Hisyam Kabbani (2007: 126) membayangkan bahawa hubungan antara tasawuf dan *al-Arba'in al-Nawawiyyah* dapat dilihat dengan identiti al-Nawawi sendiri yang dianggap sebagai seorang sufi, hafiz hadis yang berdisiplin dan faqih yang

cermat. Gambaran sebagai tokoh sufi dan wali ini digambarkan oleh al-Sakhawi di dalam karyanya yang bertajuk *Tarjamah Syeikh al-Islam Qutb al-Awliya' al-Kiram Faqih al-Anam Muhyi al-Sunnah wa Mumit al-Bid'ah Abi Zakariyya Muhy al-Din al-Nawawi*.

Melihat kepada kecenderungan al-Nawawi terhadap tasawuf, terdapat seorang guru yang dikaitkan dengan kecenderungan ini iaitu Yasin al-Muzin walaupun terdapat beberapa perbincangan yang menafikan kenyataan ini kerana al-Nawawi dikatakan lebih cenderung kepada guru sufi yang terkenal iaitu Shihab al-Din al-Suhrawardi pengarang *'Awarif al-Maarif* (Affaf Khogali-Wahbi, 1994: 149).

Hubungan yang lebih jelas dapat diperhatikan dengan meneliti beberapa karangan beliau yang dikatakan mempunyai nuansa tasawuf:

- a. *Al-Azkar* sebagai contoh mengandungi koleksi-koleksi doa yang dapat diaplikasikan dalam banyak aspek kehidupan manusia.
- b. *Riyad al-Salihin, al-Tarkhis bi al-Qiyam li Dhawi al-Fadl wa al-Maziyyah min Ahl al-Islam*.
- c. *Hizb al-Nawawi* adalah satu koleksi doa dan zikir yang digunakan untuk membersihkan diri dan mendekati diri kepada Allah SWT. *Hizb al-Nawawi* ini digunakan oleh tarekat *Samaniyyah* yang berpusat di Sudan sebagai wirid yang mesti diamalkan.
- d. *Bustan al-'Arifin fi al-Zuhd wa al-Tasawwuf* yang merupakan himpunan ucapan tokoh sufi terdahulu dan yang terkemudian.
- e. *Al-Maqasid* pula mempunyai satu bab khusus yang menyentuh tentang tasawuf, peraturan dan tanda-tandanya.
- f. *Al-Arba'in al-Nawawiyyah* secara khususnya mempunyai ketiga-tiga kepakaran al-Nawawi iaitu fekah, hadis dan kebersihan rohani.

Di dalam karyanya *Bustan al-'Arifin*, al-Nawawi telah menggunakan hadis-hadis yang mempamerkan pandangannya terhadap beberapa ajaran tasawuf seperti isu wali dan karamah dalam satu bab yang khusus dan panjang.

4. Kitab *Sharh Al-Taftazani Ala Ahadith Al-Arba'in Al-Nawawiyah*

4.1 *Biodata Al-Taftazani*

Sa'ad al-Taftazani dilahirkan pada kurun ke-7 H./13 M. merupakan tokoh yang terkenal dalam bahasa Arab, *al-mantiq*, *usul al-fiqh*, tafsir, *al-kalam* dan lain-lain. Sepanjang pencarian ilmunya, al-Taftazani telah melalui satu *rihlah 'ilmiyyah* yang memematkan. Segala masa dan usaha yang ada dicurahkan untuk kerja-kerja mengajar, menulis, mendidik dan bermuzakarah sesama ulama pada waktu itu. Hasilnya, telah lahir ramai murid-murid yang hebat serta karya-karya yang bermutu tinggi, sama ada dalam bentuk karya asal, *al-sharh*, *al-hasyiah* atau *al-talkhis*. Nama beliau sebenarnya adalah Mas'ud bin Umar bin 'Abd Allah al-Taftazani al-Harawi al-Syafi'i al-Khurasani, atau lebih dikenali sebagai Sa'ad al-Din al-Taftazani. Ini adalah nama yang dipersetujui oleh ramai ulama seperti al-Suyuti, Ibn 'Imad, Ahmad bin Mustafa atau dikenali sebagai Tasy Kabari Zadah dan al-Baghdadi serta ramai lagi. Namun begitu, Ibn Hajar al-'Asqalani telah menggantikan nama "Mas'ud" dengan "Mahmud", dan hanya beliau seorang sahaja yang berpendapat begini dan tidak diketahui sebabnya (Sa'ad al-Din al-Taftazani, 1998, 1: 75).

Al-Taftazani berasal daripada sebuah keluarga yang terkenal. Bapanya, 'Umar yang diberi gelaran "Fakhr al-Din" atau "Zayn al-Din" merupakan seorang yang berilmu dan memegang jawatan qadi. Datuknya yang bernama 'Abd Allah diberi gelaran "Burhan al-Din" juga seorang kadi yang terkenal dan mempunyai kelayakan ilmu yang tinggi. Kehebatan yang dimiliki oleh keturunan ini jelas sekali mewarisi keilmuan yang dimiliki oleh moyangnya yang digelar "*Syams al-Haq wa al-Din*" ('Abd Allah 'Ali Husyan al-Mala 1996, 1: 75).

Bagi pendapat al-Asbihani tarikh wafatnya tokoh ini adalah pada hari Isnin, 22 Muharram 792 H./10 Januari 1390 M. di Samarqand. Kerandanya dipindahkan ke Sarkhas dan disemadikan di sana pada hari Rabu, 8 Jamadil Awaal tahun yang sama (Al-Mirza Muhammad Baqir al-Mawsa al-Khawansari al-Asbihani, 1991 : 36). Tarikh ini dipersetujui oleh Ibn Hajar al-'Asqalani al-Syawkani, al-Atabaki, al-Baghdadi dan Tasy Kabari Zadah.

Kepakaran beliau yang paling menonjol adalah dalam bidang akidah, tasawuf dan bahasa Arab, tetapi beliau juga mampu untuk menghasilkan dalam pelbagai bidang yang lain. Karya-karya yang dihasilkan oleh beliau adalah seperti *Sharh al-Tasrif al-Zanjani*, *Al-*

Irsyad al-Hadi fi al-Nah., *Sharh Al-Mutawwal 'ala Talkhis al-Miftah*, *Al-Sharh al-Mukhtasar 'ala Talkhis al-Miftah Sharh Qism al-Thalith min Miftah al-'Ulum* dan *Sharh al-Taftazani 'ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawi*.

4.2 Syarah al-Taftazani Terhadap Al-Arba'in Al-Nawawiyah

Sharh al-Taftazani 'Ala al-Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyah merupakan salah satu daripada karya al-Taftazani dan ia merupakan huraian kepada *al-Arba'in al-Nawawiyah*.

Ia telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh seorang penulis sufi Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh 'Abd al-Rauf al-Fansuri. Terjemahan ini diberi tajuk *Sharh al-Latif* yang dihasilkan pada kurun ke-17 M., dianggap sebagai karya *sharh al-hadith* yang pertama di Nusantara dan mempunyai kecenderungan tasawwuf. Ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan kerana Sheikh 'Abd al-Rauf al-Fansuri sendiri merupakan tokoh tasawwuf yang terkenal pada waktu itu. Sheikh 'Abd al-Rauf al-Fansuri dipetik berkata dalam karyanya:

Telah berkata fakir yang berpegang kepada Allah Raja Yang Amat Nyata iaitu Syeikh Abd Rauf anak Ali. Ini suatu syarah yang latif atas empat puluh hadis bagi karangan Imam Nawawi telah dikasikan Allah Taala jua kiranya akan dia. Telah kupilih kebanyakannya daripada syarah Sheikh Sa'd al-Din al-Taftazani *rahmatullah 'alayh*. Dan telah kujadikan ia dengan bahasa jawi Pasai.

Karya ini telah disenaraikan oleh Haji Khalifa di dalam *Kashf al-Zunun* sebagai salah satu karya *al-Arba'in*, namun setelah diteliti, ia sebenarnya lebih kepada karya syarah bagi *al-Arba'in al-Nawawiyah*.

Selain dari huraian beliau secara tasawuf yang menjadi tumpuan utama penulisan ini, terdapat lagi beberapa pendekatan beliau yang lain seperti huraian dengan kaedah bahasa Arab, huraian dengan syair, huraian dengan memetik pandangan ulama lain sama ada sezaman atau tidak dan lain-lain (Rosni Wazir, 2014, 35-47).

4.3 Analisis Pendekatan al-Taftazani Dalam Huraian Terhadap al-Arba'in al-Nawawiyah

Setelah dianalisis pendekatan beliau dalam *Sharh al-Taftazani ala Ahadith al-Arba'in al-Nawawiyah* dapat disimpulkan bahawa

pegangan tasawuf beliau adalah tasawuf sunni gagasan Imam al-Ghazali, cuma penolakan beliau terhadap *wahdah al-wujud* adalah lebih keras.

Pendekatan al-Taftazani dalam huraian sufistiknya terhadap hadis-hadis dalam *al-Arba'in al-Nawawiyah* menggambarkan kedalaman ilmu yang dimiliki oleh beliau dan perbincangan yang terdapat di dalamnya meliputi intisari penting dalam amalan tasawuf. Sebagai contohnya adalah bagaimana berulang-kali beliau menekankan tentang fungsi hati di dalam hadis 1 (Hadis berkaitan dengan amalan dan niat) dan 27 (Hadis berkaitan dengan ketenangan jiwa manusia).

Sebagaimana yang dinyatakan dalam ajaran tasawuf sunni, fungsi hati adalah sangat besar kerana ia merupakan alat atau kenderaan yang akan membawa manusia kepada makrifatullah yang menjadi tujuan utama ilmu tasawuf. Malah dalam huraiannya terhadap hadis lain, sekiranya ada ruang dan peluang yang sesuai, beliau akan mengambil peluang untuk mengingatkan tentang hubungkaitnya dengan hati dan peranannya.

al-Taftazani dengan kemampuan ilmu yang dimiliki oleh beliau telah menghasilkan satu karya huraian *al-Arba'in al-Nawawiyah* yang unik, kreatif dan tersendiri. Terdapat beberapa pendekatan yang beliau lakukan, tidak ditemui dalam mana-mana karya yang lain. Sebagai contohnya huraian beliau tentang qadak dan qadar yang diumpamakan seperti lukisan dan hubungan guru dan murid yang diumpamakan seperti penjagaan Malaikat terhadap janin dalam rahim ibu.

Terdapat huraian oleh al-Taftazani yang sangat menekankan tentang fungsi hati walaupun dalam hadis yang berbeza. Sekiranya beliau mempunyai peluang untuk mengaitkan sesuatu perkara dengan peranan hati, maka beliau akan melakukan walaupun topik utama hadis tersebut bukanlah tentang hati.

Beliau menekankan tentang qadak dan qadar dan ia sentiasa disentuh secara berulang kali di dalam huraiannya. Beliau juga mencadangkan sikap yang terbaik dalam menangani isu ini iaitu secara yang sederhana dan tidak terlalu mencuba untuk memahaminya kerana ia adalah rahsia Allah SWT. Beliau juga mencadangkan cara yang terbaik untuk berhadapan dengan ketentuan Allah SWT ini dan ia mempunyai kaitan secara langsung dengan maqam-maqam yang penting dalam amalan tasawuf iaitu sabar, reda, tawakal dan syukur.

Penekanan tentang keseimbangan antara ilmu hakikat dan syariat. Ini adalah pendekatan yang dibuat oleh al-Taftazani dalam huraiannya terhadap hadis 5 iaitu berkaitan dengan perkara bidaah.

Ini adalah salah satu cara beliau menyampaikan mesej yang kepada pihak yang menyatakan bahawa tasawuf bukan sebahagian dari ilmu Islam, bahkan ia adalah ilmu yang dipengaruhi budaya asing. al-Taftazani bahkan menegaskan lagi bahawa mereka yang mengasingkan tasawuf dari syariat adalah umpama syaitan yang telah berputus asa dengan kebaikan, iaitu menggambarkan kesasatan yang tiada taranya. Perkara ini beliau tekankan lagi sekali dalam huraian hadis 28.

al-Taftazani menerapkan kepentingan *'ilm al-yaqin*, *'ain al-yaqin* dan *haq al-yaqin* dalam melakukan ibadah untuk memastikan manusia mencapai tahap keyakinan yang paling tinggi tanpa dicemari sifat ragu dan keliru. Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga konsep yakin itu bukan sahaja boleh diaplikasikan dalam akidah tetapi juga dalam ibadah, bahkan dalam perkara-perkara lain juga.

5. Kesimpulan

Huraian yang telah dilakukan oleh al-Taftazani menampakkan satu bentuk metodologi huraian tasawuf terhadap hadis-hadis nabawi yang tersendiri. Ia juga menampakkan bahawa bagi setiap hadis ini ada penjelasan dari sisi tasawuf yang boleh dilihat secara jelas terutama berkaitan dengan tasawuf secara langsung seperti zuhud. Ia juga menunjukkan bahawa *al-Arba'în al-Nawawiyyah* mempunyai ciri-ciri tasawuf yang boleh ditonjolkan secara langsung dan menguatkan lagi kedudukannya bagi ilmu tasawuf.

RUJUKAN

- Affaf Khogali-Wahbi. (1994). *Hadith and Sufism in Damascus, 627/1230-728/1328: Ibn Arabi (d.638/1240), al-Nawawi (d.676/1277) and Ibn Taymiyyah (d.728/1328)*. Tesis Kedoktoran, King's College London (KQC), University of London.
- Ahmad Tajuddin Arafat. (2012). Sufi Commentaries on Hadith: Analytical Study of al-Hakim al-Tirmizi's Viewpoints towards Understanding Hadith on His Work Nawadir al-Usul fi Ma'rifat Ahadith al-Rasul, *TEOSOFIA*, volume 1 (no. 2, 2012) 40-41.
- al-Bukhari. (2000), *Sahih al-Bukhari*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- al-Ghazali. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.

- al-Ghummari, ‘Abd Allah. (2007). *al-I’lam bi’anna al-Tasawuf min Shariat al-Islam*. Palestin: Jami’iyah ‘Ali al-Bayt li al-Turath wa ‘Ulum al-Syar’iyyah.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf al-Din. (1984). *al-Minhaj fi Sharh al-Muslim li al-Nawawi*, cet. 2. Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf al-Din. (2002). *Bustan al-‘Arifin*. Kaheerah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf al-Din. (t.th.). *Matn al-Arba’in al-Nawawiyyah fi al-Ahadith al-Sahihah bi Sharh al-Hafiz al-Kabir Yahya bin Sharaf al-Din al-Nawawi*. Pulau Pinang: Maktabah wa Matba‘ah Dar al-Ma‘arif.
- al-Qushayri, ‘Abd al-Karim bin Hawazin. (1998). *al-Risalah al-Qusairiyyah*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath.
- al-Sarraj, Abu Nashr. (2009). *al-Luma’*. Wasmukan dan Samson Rahman (terj.). Surabaya: Risalah Gusti.
- al-Sulami, Abi ‘Abd al-Rahman. (1997). *Tabaqat al-Sufiyyah*, ed. Nur al-Din Syaribah. Kahirah: Maktabat al-Khanji.
- al-Tabarani. (2000). *Mu’jam al-Awsat*. Beyrut: Maktabah al-Maarif.
- al-Taftazani, Sa‘ad al-Din. (1998). *Sharh al-Maqasid*. ‘Abd al-Rahman ‘Amirah (tahqiq). Beirut: ‘Alah al-Kutub.
- Ashraf Ali Thanawi. (2010). *A Sufi Study of Hadith (Haqiqat al-Tariqa min Al-Sunnah al-Aniqa*. Shaykh Yusuf Talal Delorenzo (terj.). London: Turath Publishing.
- Azyurmardi Azra. (2005). “Networks of the *Nadwah Ulama Nusantara III: Ketokohan dan Pemikiran Ulama Melayu Haramayn and Jawi (Malay-Indonesian) Ulama*”. Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 15-17 April 2005), 122.
- Ibn al-‘Imad. (1992). *Shadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, Mahmud al-Arna’ut (tahqiq). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Muhammad Hisyam Kabbani. (2007). *Tasawuf dan Ihsan: Antivirus Kebatilan dan Kezaliman*. Zaimul Am (terj.). Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Muslim. (2000). *Sahih Muslim*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Rosni Wazir. (2014). Metodologi Huraian al-Taftazani Terhadap Hadis-Hadis al-Arba’in al-Nawawiyyah, *Jurnal Hadis*, Tahun 4, Bil.8, Disember.
-

AUTHOR'S BIOGRAPHY

Rosni Wazir, berasal dari Kota Bharu, Kelantan dan kini menetap di Bandar Seri Putra, Bangi. Pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Paloh (Pintu Geng) kemudian ke SMU Maahad Muhammadi Lilbanat, Kota Bharu, Kelantan. Setelah SPM, beliau menyambung pelajaran di peringkat Matrikulasi di Akademi Pengajian Islam (Nilam Puri), peringkat Ijazah Sarjana Muda di Akademi Pengajian Islam (KL) dan seterusnya di peringkat sarjana di tempat yang sama. Beliau kini adalah calon Doktor Falsafah Pengajian Hadis dan Nusantara juga di tempat yang sama.

Pada Mei 2001, beliau mula bertugas sebagai pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS sehingga sekarang. Pernah menjadi Pengarah di Institut Kajian Hadis (INHAD) KUIS, melibatkan diri di dalam kajian berkaitan dengan pengajian hadis, golongan anti hadis dan pengajian hadis di IPT. Beliau telah menghasilkan artikel-artikel berkaitan bidang yang sama.

